

# Bukan tak puas hati dengan menteri berkenaan Mustaffa tak bertanding kerana mengikuti proses biasa – Dr. M.

1 OCT 1990

PARIT RAJA 10 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Menteri Kebajikan Masyarakat Dato' Mustaffa Mohamed tidak bertanding lagi pada pilihanraya ini kerana mengikuti proses biasa penyusunan semula kerajaan dan bukan kerana beliau marah atau tidak berpuas hati dengan menteri berkenaan.

Perdana Menteri berkata Dato' Mustaffa menerima keputusan itu dengan mudah tanpa bantahan atau sungutan.

Dato' Sri Dr. Mahathir meminta para penyokong Dato' Mustaffa supaya menerima keputusan ini dengan tenang demi kepentingan parti.

Sememangnya setiap kali bila tiba pilihanraya ada yang terpaksa digugurkan dan tidak mendapat tempat.

"Bagi yang gugur sudah tentu akan sedikit sebanyak kecewa dan yang mendapat tempat akan gembira tapi di Sri Gading ini pengorbanannya lebih sedikit," kata Perdana Menteri

pada satu perhimpunan di pekarangan rumah Dato' Mustaffa di sini hari ini.

Pengerusi Barisan Nasional menegaskan bahawa yang penting ialah parti dan sama ada ia dapat membentuk kerajaan yang boleh memberi manfaat kepada rakyat.

Untuk pilihanraya umum kita utamakan parti, kalau kalah di tempat lain kita tidak dapat membentuk kerajaan, ini berbeza dengan pilihanraya kecil.

"Sebab itu ada kawasan-kawasan yang kita serah kepada orang lain," ujar beliau.

Mengenai kesanggupan Dato' Mustaffa untuk mengundur diri beliau menjelaskan: "Saya bersyukur soal kekecewaan tidak bangkit kerana Dato' Mustaffa menerima hakikat bahawa keputusan itu dibuat demi kebaikan parti.

"Saya tidak ada apa-apa (perasaan marah) terhadap Dato' Mustaffa."

"Tidak ada langsung marah, tidak puas hati malah masih begitu rapat kerana saya ingat dia merupakan antara orang yang kuat menyokong semasa UMNO hendak dipulihkan

dulu."

Terdahulu itu Dato' Mustaffa menyampaikan ucapan alu-aluan selaku tuan rumah.

Dalam ucapannya Dato' Mustaffa berikrar akan terus berjuang dan memimpin Parti UMNO di kawasan Sri Gading walaupun tidak lagi bertanding pada pilihanraya umum ini.

"Saya sudah kata saya tidak akan undur diri dari politik tapi hanya dari pilihanraya ini.

"Saya akan terus beri kepimpinan kepada masyarakat di sini seperti datuk saya dan bapa saya kerana perjuangan politik bukan hanya untuk menyandang kerusi," tegas Dato' Mustaffa kepada para penyokongnya.

Beliau kemudian meminta maaf kepada Perdana Menteri kerana tidak dapat bercakap lebih panjang kerana terlalu sebak.

Sementara itu Perdana Menteri juga memberitahu perhimpunan tersebut bahawa beliau telah menjelaskan kedudukan sebenar kenapa Dato' Mustaffa tidak bertanding kepada rom-

bongan perwakilan Barisan Nasional Sri Gading yang menemui beliau di Kuala Lumpur.

Menurutnya soal anggota Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri digugurkan adalah perkara biasa pada setiap pilihanraya.

"Di Kedah pun kita gugurkan ramai dan saya bersyukur ada seorang yang digugurkan menulis pantun menyatakan penerimaan serta kesediaannya untuk terus memberi sokongan."

Menurut Presiden UMNO, apabila Dato' Mustaffa diminta tidak bertanding, beliau tidak memberitahu para penyokongnya kerana beliau orang yang jujur.

Perdana Menteri berkata perkara ini hanya menjadi heboh apabila ia disebarkan oleh "radio-radio tempurung" kononnya beliau tidak sukakan Dato' Mustaffa dan bahawa Dato' Mustaffa tidak berkesan.

Orang-orang ini tegas Dato' Sri Dr. Mahathir bertujuan untuk menyakitkan hati.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau yakin isu ini tidak akan mendatangkan masalah kerana kesetiaan ahli Barisan Nasional seluruhnya.

Perdana Menteri mengakui sukar baginya untuk membuat penjelasan tersebut dan berharap tidak akan ada lagi sebarang tuduhan yang melulu terhadap Dato' Mustaffa.

Beliau menyifatkan Dato' Mustaffa sebagai pemimpin kementerian yang mempunyai idea-idea yang baru bahkan beliau telah membentuk satu dasar baru yang akan dilaksanakan oleh kerajaan kemudian.

Perdana Menteri juga menganggap ucapan Dato' Mustaffa menjelaskan kedudukan sebenar pada majlis itu sebagai satu ucapan yang berani, lebih-lebih lagi bila beliau menentang arus hadirin yang mahu beliau terus menjadi wakil rakyat.